

**STUDENT PERSPECTIVES ON ARABIC LANGUAGE ANXIETY:
A REVIEW STUDY**

**PERSPEKTIF PELAJAR TERHADAP KEBIMBANGAN BERBAHASA ARAB:
SUATU KAJIAN TINJAUAN**

Wan Muhammad Shaker Wan Adnan ⁱ, Azlan Shaiful Baharum ⁱⁱ & Mohd Nizwan Musling ⁱⁱⁱ

- ⁱ (Corresponding author). Calon PhD, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia. shaker.wanmd@gmail.com
ⁱⁱ Profesor Madya, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia. azlan_arab@usim.edu.my
ⁱⁱⁱ Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia. mohdnizwan@usim.edu.my

Received: 5 July 2024

Article Progress
Revised: 26 July 2024

Accepted: 22 August 2024

Abstract	<p><i>Language anxiety is a state of restlessness, nervousness, and being easily agitated experienced by a student when learning or using a second or foreign language. The language anxiety is also faced by students who want to learn Arabic, in line with the position of the Arabic language, which is categorized as one of the most difficult languages to master. This phenomenon of language anxiety has a negative effect on the development of student learning, resulting in students not being able to master language skills well. Therefore, this study was conducted to obtain students' views on the main factor that can reduce the level of students' language anxiety and subsequently improve students' academic performance. The student sample (N = 10) was selected from first-year students of the Bachelor of Education (Islamic Education), Faculty of Major Language Studies (FPBU) at Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). The selected sample is those who have a medium or high level of language anxiety according to the FLCAS (Foreign Language Classroom Anxiety Scale) questionnaire. The researcher interviewed 10 students to get their perspective on the main role that needs to be played in the Arabic learning session. The data was analyzed using the thematic method to obtain codes and themes from the respondents. The findings of the study show that teachers have a very important role in reducing the level of students' language anxiety in the classroom. Among the roles that need to be played are from the point of view of the psychology of learning (35.7%), the teacher's emotions (28.5%), the selection of teaching methods (21.4%), and the teacher's character (14.3%).</i></p> <p>Keywords: <i>Language Anxiety, Teacher's Roles, Arabic Language.</i></p>
Abstrak	<p><i>Kebimbangan bahasa (Language Anxiety) adalah keadaan resah, gementar dan tidak tenang yang dialami oleh seseorang pelajar semasa mempelajari dan menggunakan bahasa kedua atau bahasa asing. Kebimbangan bahasa ini turut dihadapi oleh pelajar yang ingin mempelajari Bahasa Arab, selari dengan kedudukan Bahasa Arab yang dikategorikan sebagai antara bahasa yang</i></p>

sukar untuk dikuasai secara keseluruhan. Fenomena kebimbangan bahasa ini mempunyai kesan negatif terhadap perkembangan pembelajaran pelajar sehingga mengakibatkan pelajar tidak dapat menguasai kemahiran berbahasa dengan baik. Maka, kajian ini dijalankan bagi mendapatkan pandangan pelajar tentang faktor utama yang memainkan peranan dalam mengurangkan tahap kebimbangan bahasa pelajar dan seterusnya meningkatkan prestasi akademik pelajar. Sampel pelajar ($N=10$) dipilih daripada pelajar tahun satu Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Islam), Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU) di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Sampel yang dipilih merupakan mereka yang mempunyai tahap kebimbangan bahasa yang sederhana atau tinggi menurut borang soal selidik FLCAS (Foreign Language Classroom Anxiety Scale). Pengkaji telah menemubual 10 orang pelajar bagi mendapatkan pandangan mereka tentang peranan utama yang perlu dimainkan dalam meningkatkan keberkesanan pembelajaran Bahasa Arab. Data dianalisis menggunakan kaedah tematik kod dan tema responden. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru mempunyai peranan yang sangat penting dalam mengurangkan tahap kebimbangan bahasa para pelajar di dalam kelas. Antara peranan yang perlu dimainkan adalah dari sudut psikologi pembelajaran (35.7%), emosi guru (28.5%), pemilihan kaedah pengajaran (21.4%) dan karakter guru (14.3%).

Kata kunci: *Kebimbangan Bahasa, Peranan Guru, Bahasa Arab.*

PENDAHULUAN

Tahap kebimbangan yang rendah merupakan tindakbalas yang normal dalam diri seseorang kerana ia boleh menjadi pemangkin untuk menyelesaikan sesuatu tugas dengan sempurna (Luana, 2020). Kecenderungan seseorang terhadap kebimbangan ditentukan oleh beberapa faktor, termasuk susunan genetik mereka, pengalaman hidup, persekitaran dan banyak lagi. Oleh itu, adalah normal bagi setiap orang untuk mempunyai sedikit tahap kebimbangan dalam diri mereka kerana ianya dapat membantu mempersiapkan seseorang bagi menghadapi sesuatu situasi (Katharina, 2024). Namun, tahap kebimbangan yang tinggi dan berterusan boleh memberi kesan negatif kepada kehidupan dan tugas harian seseorang. Kebimbangan dalam pembelajaran bahasa asing dikenali sebagai kebimbangan bahasa asing ataupun *Foreign Language Anxiety*. Kebimbangan bahasa asing menurut Spielberger (1983) ialah perasaan ketegangan, kebimbangan, kegelisahan, dan kerisauan yang dikaitkan dengan rangsangan sistem saraf automatik ketika mempelajari sesuatu bahasa asing.

Kebimbangan bahasa asing merupakan salah satu faktor yang menyumbang kepada kelemahan prestasi akademik pelajar seperti yang dinyatakan dalam kajian Dewaele et al (2023) dan kajian Mohamed (2020). Kedua-dua kajian ini menyatakan secara jelas dalam kesimpulan mereka bahawa tahap kebimbangan bahasa asing yang sederhana sudah cukup untuk menjadi titik kelemahan dalam proses pembelajaran seseorang pelajar. Dalam pembelajaran subjek Bahasa Arab pula, pelajar-pelajar turut mengalami tahap kebimbangan yang tinggi seperti dijelaskan oleh kajian Mokhtar (2021) di mana kebimbangan terhadap penilaian negatif (*fear of negative evaluation*) merupakan jenis kebimbangan yang paling sering dihadapi oleh para pelajar. Maka jelas di sini bahawa kebimbangan bahasa asing ini perlu diatasi dan dikawal bagi meningkatkan prestasi akademik pelajar.

Banyak kajian telah dijalankan bagi mengenalpasti faktor-faktor yang memberi kesan kepada pengurangan tahap kebimbangan bahasa di kalangan pelajar seperti kajian Yang et al, (2024) yang menyimpulkan bahawa faktor pemilihan kaedah pengajaran yang menarik mampu membantu mengawal tahap kebimbangan pelajar. Penerapan sifat positif tentang pembelajaran bahasa juga mampu membantu dalam mengurangkan kebimbangan dan meningkatkan keyakinan dalam pembelajaran bahasa asing (Aslan et al, 2021). Antara

faktor lain yang banyak dinyatakan sebagai penyumbang utama adalah peranan guru. Kajian Kaliappan et al (2023) meletakkan peranan guru sebagai salah satu faktor yang memberi kesan kepada peningkatan prestasi akademik pelajar dan mengurangkan tahap kebimbangan bahasa. Kajian Jugo (2020) dan Richards (2022) juga membincangkan beberapa sudut yang perlu dikuasai oleh seorang guru bagi mengawal tahap kebimbangan pelajar di dalam kelas. Secara kesimpulannya, terdapat banyak faktor yang telah dibincangkan dalam kajian terdahulu dan peranan guru merupakan antara tonggak utama dalam mengatasi masalah kebimbangan bahasa ini. Guru berperanan mengurangkan tahap kebimbangan bahasa asing pelajar dan secara tidak langsung meningkatkan kemahiran bahasa para pelajar (Yusoff et al, 2020).

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan:

1. Mengenalpasti tahap kebimbangan pelajar FPBU semasa mempelajari bahasa Arab.
2. Mengenalpasti faktor utama yang memainkan peranan dalam mengurangkan tahap kebimbangan berbahasa arab.

SOROTAN LITERATUR

Kajian Mokhtar (2020) telah mengkaji tahap kebimbangan berbahasa arab ke atas 40 orang pelajar sekolah menengah dengan menggunakan instrumen borang soal selidik. Soal selidik FLCAS (*Foreign Language Classroom Anxiety Scale*) yang diasaskan oleh Horwitz telah digunakan untuk mengumpul data kajian. Kajian menunjukkan bahawa terdapat kebimbangan di kalangan pelajar dalam pembelajaran Bahasa Arab terutamanya dalam kemahiran berkomunikasi. Antara faktor-faktor yang menyumbang kepada peningkatan tahap kebimbangan ini adalah sangat berkait rapat dengan tindak-tanduk guru di dalam kelas. Teguran kesalahan pelajar secara khusus oleh guru di dalam kelas, pemberian komen negatif terhadap respon pelajar dan penggunaan laras bahasa arab yang tinggi di dalam kelas merupakan antara faktor penyumbang kepada peningkatan tahap kebimbangan bahasa di kalangan pelajar. Guru digalakkan untuk menggunakan pendekatan seperti aktiviti pernafasan, bersifat santai dan memberi respon positif kepada para pelajar semasa mereka mempelajari Bahasa Arab. Guru yang mengajar Bahasa Arab juga digalakkan untuk menggunakan kaedah pengajaran yang kreatif serta berjenaka sebagai cara untuk mengurangkan kebimbangan dan kerisauan dalam kalangan pelajar di dalam kelas Bahasa Arab.

Kajian lepas lain juga turut menekankan peranan yang harus dimainkan oleh seorang guru bagi mengawal tahap kebimbangan bahasa asing dalam kalangan pelajar di mana ia akan membawa kepada peningkatan prestasi akademik. Kajian Özer dan Akçayoğlu (2021) telah mengkaji hubungan antara peranan kepercayaan dan efikasi sendiri, pembelajaran terkawal sendiri dan kebimbangan bahasa asing dalam pencapaian akademik. Kajian telah dijalankan ke atas 344 pelajar yang mempelajari bahasa asing. Dapatan menunjukkan bahawa kepercayaan dan efikasi sendiri pelajar memainkan peranan utama dalam meningkatkan prestasi akademik pelajar. Maka secara tidak langsung, guru yang mengendalikan kelas bahasa ini sebenarnya yang menjadi tunjang utama kepada perubahan dan keadaan seseorang pelajar. Jadi, peranan guru adalah untuk memotivasikan diri pelajar supaya mereka dapat membina persepsi diri sendiri terhadap kebolehpayaan untuk melakukan sesuatu.

Peranan guru dalam mengawal tahap kebimbangan bahasa asing di kalangan pelajar turut dibincangkan dalam kajian Jugo (2020). Kajian ini dijalankan ke atas 242 penuntut di sebuah institusi pendidikan di Filipina. Kaedah soal selidik telah digunakan bagi mendapatkan maklumat berkait tahap kebimbangan berbahasa inggeris dan juga sebab dan punca kepada peningkatan tahap kebimbangan berbahasa asing. Kajian ini menegaskan bahawa perancangan guru untuk mengawal tahap kebimbangan pelajar adalah perkara yang utama. Antara langkah yang dicadangkan dapat membantu memudahkan proses pembelajaran dan mengurangkan kebimbangan di kalangan pelajar ialah penetapan latihan

bahasa yang cukup di dalam kelas, tidak menumpukan kesalahan pelajar secara individu, perkongsian pengalaman guru dalam mempelajari bahasa asing, tetapkan misi dan objektif yang realistik dan seterusnya sentiasa memuji pelajar di dalam kelas. Langkah-langkah ini perlu dijadikan panduan bagi guru untuk mengawal tahap kebimbangan bahasa asing di dalam kelas. Secara kesimpulannya, guru yang memenuhi kriteria ini akan mempunyai peluang yang lebih tinggi untuk menjayakan suatu kelas bahasa dan dapat meningkatkan penguasaan pelajar dalam menguasai kemahiran berbahasa.

Di samping itu, emosi seorang guru juga memainkan peranan dalam memastikan tahap kebimbangan bahasa asing pelajar tidak meningkat ketika sesi pembelajaran (Richards, 2022). Hal ini kerana emosi dan perasaan adalah bahagian penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi guru dan pelajar. Kajian ini menjelaskan tentang jenis-jenis emosi yang biasanya ada pada seorang guru, pembahagian emosi kepada positif dan negatif, dan kesannya terhadap sesi pengajaran dan pembelajaran. Guru yang mempunyai emosi yang positif sepanjang sesi pembelajaran seperti ceria, tenang, yakin dan penuh minat akan menggalakkan para pelajar untuk lebih bersemangat dalam melatih bahasa asing sama ada di dalam kelas atau di luar kelas. Kesimpulannya, emosi perlu diketengahkan oleh seorang guru melalui pelaksanaan aktiviti di dalam kelas bagi menggalakkan pelajar untuk lebih menguasai pembelajaran bahasa asing.

Kajian Bensalem (2020) juga menyatakan bahawa guru memainkan peranan utama untuk mengawal suasana kelas daripada fenomena peningkatan tahap kebimbangan bahasa. Pada permulaan sesi pembelajaran, guru harus memaklumkan dan menerangkan kepada pelajar tentang kewujudan rasa risau, bimbang dan gementar ketika mempelajari suatu bahasa asing. Maka, pelajar-pelajar boleh mengenalpasti terlebih dahulu sama ada mereka tergolong di kalangan pelajar yang mempunyai tahap kebimbangan bahasa yang rendah, sederhana mahupun tinggi. Guru kemudiannya hendaklah membuat segala persiapan sebelum melangkah ke dalam kelas dan mengenalpasti faktor-faktor yang boleh membawa kepada peningkatan tahap kebimbangan bahasa di dalam kelas. Antara peranan guru yang disebut dalam kajian adalah penyediaan suasana kelas yang kondusif dan menggunakan alat bantuan ketika sesi pembelajaran.

Bagi kajian yang berkait dengan pembelajaran Bahasa Arab secara khusus, kajian Yusoff et al. (2020) juga selari dengan kajian-kajian yang telah dibincangkan sebelum ini di mana guru Bahasa Arab memainkan peranan utama dalam mengurangkan kebimbangan pelajar di dalam kelas. Seramai 420 orang pelajar telah menjadi responden bagi kajian ini dengan pendekatan kaedah kuantitatif digunapakai bagi pengumpulan maklumat. Ujian korelasi *pearson* menunjukkan bahawa terdapat hubungan negatif yang signifikan antara efikasi sendiri dan kebimbangan berbahasa Arab dan ianya berada pada kadar yang sederhana. Dalam erti kata lain, semakin tinggi efikasi diri seorang pelajar, maka semakin rendah tahap kebimbangan bahasa mereka. Maka, peranan guru harus dimainkan bagi meningkatkan efikasi diri seorang pelajar di dalam kelas dengan cara pemberian ruang dan peluang kepada pelajar untuk meluahkan idea, persoalan, harapan dengan ruang yang terbuka.

SAMPEL KAJIAN

Kajian telah memilih 10 orang pelajar tahun satu program Sarjana Muda Pendidikan Islam, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia. Kajian Francis et al. (2010) menetapkan jumlah minimum yang diperlukan untuk mengumpul data kualitatif dalam bentuk temu bual adalah sekurang-kurangnya sepuluh orang. Pelajar-pelajar ini telah mempelajari subjek Nahu Gunaan 1 dalam Bahasa Arab bagi semester 2 sesi 2023/2024. Sampel kajian terdiri daripada 8 orang pelajar perempuan dan 2 orang pelajar lelaki dan dipilih menggunakan kaedah pensampelan bertujuan (*purposive*), di mana kajian mencari pelajar yang mempunyai tahap kebimbangan bahasa asing yang sederhana atau tinggi menurut data borang soal selidik FLCAS (*Foreign Language Anxiety Questionnaire Scale*). Analisis data menunjukkan tahap kebimbangan bahasa asing sampel kajian menurut pembahagian tahap kebimbangan bahasa oleh kajian Gusdian (2020). Pembahagian

markah bermula dari 33 hingga 75 (rendah), 76 hingga 119 (sederhana) dan 120 hingga 165 (tinggi). Ringkasan tahap kebimbangan bahasa sampel kajian adalah seperti jadual di bawah:

Jadual 1: Tahap kebimbangan bahasa asing

Pelajar	Data borang soal selidik	Tahap Kebimbangan Bahasa Asing
Pelajar 1	158	Tinggi
Pelajar 2	129	Tinggi
Pelajar 3	147	Tinggi
Pelajar 4	133	Tinggi
Pelajar 5	103	Sederhana
Pelajar 6	136	Tinggi
Pelajar 7	156	Tinggi
Pelajar 8	106	Sederhana
Pelajar 9	116	Sederhana
Pelajar 10	116	Sederhana

Kajian telah memilih pelajar-pelajar yang mempunyai tahap kebimbangan bahasa yang sederhana dan tinggi untuk mendapatkan sudut pandang yang lebih jelas bagi merealisasikan tujuan kajian. Secara terperinci, seramai 6 orang pelajar (60%) berada di tahap tinggi, manakala baki 4 pelajar (40%) berada di tahap sederhana.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian telah menjalankan temubual secara separa struktur ke atas sampel kajian demi mendapatkan maklumat yang lebih mendalam seiring dengan soalan utama temubual:

1. Apakah faktor utama yang memainkan peranan dalam mengurangkan tahap kebimbangan berbahasa arab?

Soalan ini telah dibentangkan di hadapan dua orang pakar Bahasa Arab yang merupakan Pensyarah Kanan Fakulti Pengajian Bahasa Utama di Universiti Sains Islam Malaysia. Kajian telah menggunakan kaedah *Content Validity Index* bagi mendapatkan kesahan soalan temubual dan mengumpul markah 1.0 iaitu markah penuh bagi kesahan soalan temu bual ini. Temu bual ini telah dijalankan setelah tamat sesi pengajian bagi mendapatkan respon yang jelas berkaitan faktor utama yang memainkan peranan dalam mengurangkan tahap kebimbangan Bahasa Arab. Temubual dijalankan secara separa struktur di mana soalan-soalan diajukan secara separa formal dan boleh diubahsuai selagi mana tidak lari daripada objektif kajian. Kajian kemudiannya menganalisis respon temubual dengan menggunakan pendekatan analisis tematik di mana kajian telah membuat pembacaan melalui respon temu bual dan seterusnya mencari persamaan bagi menyimpulkan beberapa tema yang relevan.

DAPATAN KAJIAN

Analisis tematik skrip temubual sampel kajian menyimpulkan bahawa kesemua pelajar bersetuju bahawa guru merupakan faktor utama yang memberi kesan terhadap pengurangan tahap kebimbangan bahasa di dalam kelas dengan penelitian kepada empat tema utama. Analisis kajian menghasilkan empat peranan utama seseorang guru dalam mengurangkan tahap kebimbangan bahasa asing pelajar iaitu psikologi pembelajaran, karakter guru, emosi guru dan kaedah pengajaran. Respon sampel kajian yang diberi penekanan dalam kajian ini diringkaskan dalam Jadual 2 di bawah:

Jadual 2: Respon sampel kajian

Kod	Huraian	Respon sampel kajian
Psikologi Pembelajaran	Guru hendaklah bijak mengawal situasi dalam kelas dan mengelakkan aktiviti yang boleh menambah tekanan pelajar.	<p>“Kalau ustaz banyak tanya, dia akan menambahkan tekanan pada saya, saya macam nak kena jawab apa?” P5</p> <p>“Kalau takde sesi latihan, kemudian terus periksa, nanti masa tu semua gelabah” P9</p> <p>“Saya rasa tak perlu sesi soal jawab di awal kelas, sebab takut dia akan pressure dekat pelajar” P7</p> <p>“Saya lagi suka kalau bukan ustaz panggil nama kot, sebab nanti ada yang debar” P6</p> <p>“Bila ustaz bagitahu awal (tugasan), jadi bila waktu tu kita dah ready dah” P3</p>
Karakter	Guru hendaklah sentiasa membimbing pelajar agar terus minat dalam pembelajaran	<p>“Guru kena guna kaedah yang boleh hilangkan rasa bosan dalam kelas tu” P8</p> <p>“Kena bagi lagi semangat lah dekat anak-anak murid” P10</p>
Emosi	Guru hendaklah sentiasa ceria dan dalam masa yang sama tegas ketika sesi pembelajaran	<p>“Tak boleh garang lah, kalau garang kita macam ish ustaz ni” P9</p> <p>“Kalau guru santai sangat, nanti student akan ambil sambilewa je” P10</p> <p>“Ustaz kena faham, tak semua orang cepat, janganlah semua orang marah-marah” P6</p> <p>“Guru pon kena lah santai, kalau dia pressure saya pon pressure lah” P7</p>
Kaedah Pengajaran	Guru hendaklah bijak memilih kaedah pengajaran yang sesuai dengan subjek yang diajarkan	<p>“Saya rasa kaedah yang ni lebih memudahkan saya” P1</p> <p>“Kena banyakkkan lagi latihan dalam kelas, sebab tak semua student cepat tangkap” P10</p> <p>“Ada orang dia tak boleh adapt guna kaedah pengajaran tertentu, jadi ustaz kena bagi kebebasan sikit” P7</p>

PERBINCANGAN

Respon daripada temubual ini jelas membuktikan bahawa guru memainkan peranan utama dalam memastikan tahap kebimbangan bahasa asing pelajar berada dalam keadaan terkawal. Dapatan ini seiring dengan kajian-kajian lepas (Özer & Akçayoğlu, 2021; Bensalem, 2020; Jugo, 2020) yang meletakkan guru sebagai faktor pemangkin dalam penentuan tahap kebimbangan bahasa pelajar. Kajian dapat menyimpulkan empat aspek

yang perlu ditekankan oleh guru dalam pembelajaran subjek Bahasa Arab khususnya iaitu dari sudut psikologi pembelajaran, karakter guru, emosi guru dan kaedah pengajaran.

Dari sudut psikologi pembelajaran, semua pelajar bersetuju bahawa guru perlu menjauhkan diri daripada melaksanakan aktiviti yang boleh membawa kepada tekanan terhadap para pelajar semasa mempelajari bahasa arab seperti kerap bertanya di hadapan kelas, mengadakan kuiz secara mengejut dan lewat dalam memberikan tugas kursus. Tindakan ini akan menyebabkan pelajar berada dalam keadaan resah dan bimbang bahkan boleh membawa kepada hilangnya motivasi untuk mempelajari Bahasa Arab. Aspek ini juga pernah dibincangkan dalam kajian Sholeha et al. (2022) di mana kajian ini menekankan pendekatan proaktif yang perlu dibawa oleh seorang guru bagi mengurangkan kebimbangan pelajar. Seorang guru harus peka dengan situasi yang boleh menyumbang kepada kerisauan pelajar dan berusaha untuk menjauhi perkara-perkara tersebut. Maka dengan cara ini, suasana pembelajaran yang tenang dan bebas daripada kerisauan dapat dihasilkan.

Seterusnya, karakter seorang guru juga antara yang diulang-ulang oleh para pelajar sebagai faktor yang perlu diperhatikan. Guru hendaklah mempunyai karakter sebagai seorang pembimbing yang baik dan bukan hanya menumpukan untuk menghabiskan silibus pembelajaran semata-mata. Seorang guru yang baik sepatutnya mampu untuk membimbing pelajar-pelajar untuk sentiasa bersemangat ketika sesi pembelajaran. Pelajar akan kurang bersemangat dan lebih tertekan di dalam kelas bahasa asing apabila diletakkan bersama seorang guru yang pasif atau lebih parah lagi, membosankan. Kajian Pranata (2021) menekankan usaha yang perlu dilakukan oleh seorang guru bagi memotivasikan para pelajar. Natijah kajian tersebut menyatakan bahawa guru hendaklah sentiasa menjelaskan kepentingan mempelajari Bahasa Arab, menanyakan semula pelajaran yang telah dipelajari dan memberi pujian kepada pelajar yang berjaya menjawab soalan atau menyelesaikan tugas. Maka, guru yang mempunyai karakter sebagai seorang pembimbing di dalam kelas akan melahirkan suasana pembelajaran yang aktif serta menyenangkan dan seterusnya dapat mengurangkan tahap kebimbangan bahasa di kalangan para pelajar.

Kemudian, emosi guru juga memainkan peranan yang penting dalam mengawal tahap kebimbangan bahasa asing pelajar. Responden telah menyatakan beberapa sifat dan emosi yang dianggap sebagai positif namun kajian telah menyimpulkan kepada dua emosi utama iaitu ceria dan tegas. Seseorang guru hendaklah menyeimbangkan dua emosi ini bagi memastikan pelajar tenang di dalam kelas dan dalam masa yang sama masih ada kesungguhan untuk mempelajari sesuatu ilmu. Guru yang tidak mempunyai sifat tegas akan membawa kepada sifat sambilewa dan kurang rasa hormat kepada guru dalam kalangan pelajar, manakala guru yang hanya bersifat garang akan membantutkan proses interaksi antara guru dan pelajar. Kenyataan ini selari dengan dapatan kajian Syifa (2023) yang menyatakan bahawa guru yang mengajar dalam keadaan terlalu garang akan menjadikan pelajar menjadi tertekan ketika sesi pembelajaran dan menyebabkan mereka tidak mampu menguasai pelajaran dengan baik. Sedangkan guru yang disifatkan sebagai "terlalu baik" akan melahirkan pelajar yang responsif dan kurang adabnya. Kajian Saman (2020) juga menyokong kenyataan ini dengan menyimpulkan bahawa perubahan emosi guru yang negatif akan mempengaruhi suasana pembelajaran dan pelajar akan turut terkesan sekaligus menjejaskan pembelajaran mereka. Maka, guru harus menyeimbangkan

Akhir sekali, kaedah pengajaran yang tepat akan membantu para pelajar dalam pembelajaran Bahasa Arab. Setiap pelajar mempunyai latarbelakang pendidikan, keluarga dan sosial yang berbeza. Maka adalah penting bagi seseorang guru menganalisis situasi para pelajar di dalam kelas dan seterusnya menentukan kaedah pengajaran yang paling sesuai dipraktikkan bagi mengajar subjek Bahasa Arab di dalam kelas. Antara kaedah yang sering digunakan untuk meningkatkan prestasi akademik pelajar dan mengurangkan tahap kebimbangan pelajar adalah kaedah permainan (Zulvikar, 2022) ataupun kaedah nyanyian (Nisa, 2020; Wiguna, 2023). Jadi, tanggungjawab seorang guru adalah untuk menganalisis

latarbelakang pelajar pada awal sesi pembelajaran dan seterusnya menentukan kaedah pengajaran yang efektif dan menarik bagi mengawal tahap kebimbangan bahasa pelajar.

PENUTUP

Secara kesimpulannya, kajian ini mendapati bahawa guru memainkan peranan utama dalam mengawal tahap kebimbangan berbahasa arab di kalangan pelajar. Kajian berjaya menyimpulkan empat peranan yang boleh dimainkan oleh seorang guru bagi mengawal dan mengurangkan tahap kebimbangan bahasa pelajar dalam mempelajari Bahasa Arab. Sejumlah empat belas respon telah dipilih oleh kajian untuk dimasukkan dalam data kajian melihat kepada ketepatan respon dengan tema yang dipilih.

Peranan guru yang utama ialah dari sudut psikologi pembelajaran (35.7%), di mana guru hendaklah mengelakkan diri daripada melakukan aktiviti yang boleh menambah kerisauan dan kebimbangan pelajar ketika mempelajari Bahasa Arab. Guru harus mengetahui tanda-tanda kebimbangan yang ditunjukkan oleh para pelajar bagi mengekangannya. Kemudian, emosi guru iaitu gabungan sifat ceria dan tegas juga antara yang disebut-sebut oleh para responden sebagai asbab untuk mengurangkan kebimbangan dalam kelas (28.5%). Seorang guru yang terbaik adalah mereka yang mampu menentukan keadaan yang sesuai untuk menzahirkan emosi ceria dan juga emosi tegas pada keadaan yang lain.

Pemilihan kaedah pengajaran yang sesuai juga dapat menentukan sama ada pelajar akan berasa tertekan ataupun sebaliknya ketika sesi pembelajaran (21.4%). Pemilihan kaedah pengajaran yang tepat hendaklah melihat kepada banyak aspek seperti latarbelakang pendidikan dan sosial para pelajar. Seterusnya, karakter guru memainkan peranan terakhir (14.3%) dengan perincian kepada karakter 'pembimbing' yang perlu ada dalam diri setiap guru agar pelajar-pelajar kekal bersemangat untuk mempelajari dan menguasai Bahasa Arab. Semoga, kajian ini menjadi panduan kepada para guru untuk meningkatkan tahap keberkesanan pengajaran Bahasa Arab di dalam kelas.

RUJUKAN

Buku

Spielberger, C. D. (1983). *State-Trait Anxiety Inventory for Adults*. Palo Alto, CA: Mind Garden.

Jurnal

Aslan, E., & Thompson, A. S. (2021). The Interplay between Learner Beliefs and Foreign Language Anxiety: Insights from the Turkish EFL Context. *The Language Learning Journal*, 49(2), 189-202.

Bensalem, E. (2020). Foreign Language Reading Anxiety in The Saudi Tertiary EFL Context. *Reading in a Foreign Language*, 32(2), 65-82.

Chzin, D. T. J., & Surat, S. (2021). Sorotan Literatur Bersistemik: Faktor-Faktor Mempengaruhi Pencapaian Akademik Pelajar. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(12), 137-157.

Dewaele, J. M., Botes, E., & Meftah, R. (2023). A Three-Body Problem: The Effects of Foreign Language Anxiety, Enjoyment, and Boredom on Academic Achievement. *Annual Review of Applied Linguistics*, (43), 1-16.

Francis, J. J., Johnston, M., Robertson, C., Glidewell, L., Entwistle, V., Eccles, M. P., & Grimshaw, J. M. (2010). What is an adequate sample size? Operationalising data saturation for theory-based interview studies. *Psychology and health*, 25(10), 1229-1245.

Gusdian, R. I., & Nurhidayah, S. (2020). Speaking Skill's Language Anxiety Experienced by Freshers of English Language Education Department. *Schemata: Jurnal Pasca Sarjana IAIN Mataram*, 9(2), 247-256.

Horwitz, E. K., Horwitz, M. B., & Cope, J. A. (1986). Foreign Language Classroom Anxiety. *Modern Language Journal*, 70, 125-132.

Jugo, R. R. (2020). Language Anxiety in Focus: The Case of Filipino Undergraduate Teacher Education Learners. *Education Research International*, (1), 1-8.

- Kaliappan, M. D., & Jalil, N. A. (2023). Pengaruh Faktor Dalaman dan Luaran Terhadap Pencapaian Mata Pelajaran Ekonomi bagi Murid-Murid Sekolah Menengah Luar Bandar negeri Perak, Malaysia. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 16(2), 83-92.
- Mohamed Khalifa, G. E. (2020). The Impact of Foreign Language Classroom Anxiety on Saudi Male Students' Performance at Albaha University. *Arab World English Journal (AWEJ)*, 11(2), 258-274.
- Mokhtar, M. I. M. (2020). Lower Secondary Students' Arabic Speaking Anxiety: A Foreign Language Literacy Perspective. *International Journal of Education and Literacy Studies*, 8(4), 33-39.
- Nisa, I. K. (2020). Penerapan Metode bernyanyi dalam Meningkatkan Penguasaan Kosa Kata Bahasa Arab di MTS Ma'arif NU 07 Purbolinggo. *Jurnal Penerapan Metode bernyanyi dalam Meningkatkan Penguasaan Kosa Kata Bahasa Arab di MTS Ma'arif NU 07 Purbolinggo*, 1, 1-15.
- Özer, Ö., & Akçayoğlu, D. İ. (2021). Examining the Roles of Self-Efficacy Beliefs, Self-Regulated Learning and Foreign Language Anxiety in the Academic Achievement of Tertiary EFL Learners. *Participatory Educational Research*, 8(2), 357-372.
- Pranata, B. K., & Abas, Z. (2021). Upaya Guru Dalam Menumbuhkan Motivasi Belajar Santri Pada Pembelajaran Bahasa Arab Santri Takhassus di Pondok Pesantren Al Ukuwah Sukoharjo. *Journal Transformation of Mandalika*, 2(3), 118-125.
- Richards, J. C. (2022). Exploring Emotions in Language Teaching. *RELC Journal*. 53(1), 225-239.
- Sholeha, F. Z., & Al Baqi, S. (2022). Kecemasan Peserta Didik dalam Pembelajaran Bahasa Arab. *MAHIRA: Journal of Arabic Studies*, 2(1), 1-12.
- Syifa, N., & Julia, J. (2023). Persepsi Guru Sekolah Dasar Terhadap Inovasi Pembelajaran Berbasis Informasi Teknologi Sebagai Alat Bantu Pencapaian Pembelajaran. *Al-Madrasah: Jurnal Pendidikan Madrasah Ibtidaiyah*. 7(1), 271-285.
- Wiguna, W., Ritonga, A. W., Karimullah, Y., Al-Ayubi, I. H., & Supriatna, A. (2023). Corak Pembelajaran Bahasa Arab Menggunakan Metode "Bernyanyi". *Al-lisān Al-'arabi*, 2(2), 37-56.
- Yang, Y. F., Hsieh, W. M., Wong, W. K., Hong, Y. C., & Lai, S. C. (2024). Reducing Students' Foreign Language Anxiety to Improve English Vocabulary Learning in an Online Simulation Game. *Computer Assisted Language Learning*, 37(3), 410-432.
- Yusoff, A., Yusoff, N. M. R. N., & Baharuddin, H. 2020. Efikasi Kendiri dan Kebimbangan Bahasa Dalam Kelas Pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah Agama: Self Efficacy and Language Anxiety in the Arabic Language Classroom at Religious School. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, 4(1), 35-47.

Laman Sesawang

- Luana Marques. Do I Have Anxiety or Worry: What's the Difference?. <https://www.health.harvard.edu/blog/do-i-have-anxiety-or-worry-whats-the-difference-2018072314303> (diakses pada 20 Mei 2024)
- Katharina Star. The Benefits of Anxiety and Nervousness. <https://www.verywellmind.com/benefits-of-anxiety-2584134> (diakses pada 29 Mei 2024).

Tesis

- Saman, A. M. (2020). *Pembangunan Model Qudwah Hasanah untuk Guru Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Malaysia*. Doctoral dissertation, University of Malaya.
- Zulvikar, Z. (2022). *Penggunaan Teknik Al'ab Lughawiyah dalam Pembelajaran Mufradat Untuk Meningkatkan Kemahiran Berbicara Bahasa Arab Siswa Kelas Viii A di Madrasah Tsanawiyah Tarbiyah Islamiyah Batang Kabung*. Doctoral dissertation, Universitas Muhammadiyah Sumatera Barat.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.